

Mohd Hamidi & Mohd Fauzi, “*Af’āl Allāh menurut Ahl al-Sunnah wa al-Jamā`ah*,” *Afkār* 17 (2015): 1-24

## **AF’ĀL ALLĀH MENURUT AHL AL-SUNNAH WA AL-JAMĀ`AH**

***Mohd Hamidi Ismail\* dan Mohd Fauzi Hamat***

Akademi Pengajian Islam. Universiti Malaya. 50603.  
Kuala Lumpur. Malaysia.

Emel: \*hamidi\_ismail@yahoo.com

### **Khulasah**

*Af’āl Allāh* atau perbuatan Allah SWT adalah antara topik yang dibicarakan dalam ilmu akidah Islam. Ini berdasarkan kepentingan seseorang memahami bagaimana penyandaran perkara baharu iaitu hamba dan perlakuan mereka kepada Yang Qadim iaitu Allah SWT. Penyandaran ini merupakan intisari iktikad yang dibincangkan melalui rukun iman yang keenam iaitu beriman dengan qada’ dan qadar Allah SWT. Secara kasar, perbicaraan tentang *af’āl Allāh* mengandungi polemik yang runcing. Ini amat jelas, bukan sahaja berdasarkan perdebatan di antara aliran-aliran pemikiran Islam malah berdasarkan perselisihan pendapat yang berlaku dalam kalangan ilmuwan dalam satu aliran yang sama, iaitu aliran Ahl al-Sunnah wa al-Jamā`ah. Artikel ini, yang membincarakan polemik isu *af’āl Allāh* dalam mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā`ah, yang tidak menatijahkan perpecahan sebagaimana perpecahan yang berlaku di antara aliran-aliran pemikiran Islam yang lain, bahkan polemik ini tetap menggambarkan wujudnya kesepadan dalam manhaj dan dalam kefahaman fikrah. Makalah ini merumuskan bahawa perselisihan pendapat yang berlaku adalah bersifat *lafzī* dan bukannya kontekstual yang mengakibatkan pemahaman yang berbeza dalam mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā`ah apabila al-Ashā’irah dan al-Māturīdiyyah bersepakat menghubungkan Allah SWT dengan hamba melalui perantaraan yang menyesuaipadankan sifat perbuatan Allah SWT

dengan hamba yang dikenali sebagai *al-ta’alluq* menurut al-Ashā’irah dan *al-takwīn* menurut al-Māturidiyyah.

**Kata kunci:** *af’āl Allāh*, Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah, al-Ashā’irah, al-Māturidiyyah, al-Ghazālī.

### Abstract

The attributes of Allah is one of the most important topic debated in Islamic faith. This was based on its importance how to relate neoteric subject that is human with ancient one who is Allah the Almighty as it was described and understood through the sixth pillar of faith in Islam which is belief in *qada’ wa qadar* (judgment and predestine) of Allah the Almighty. Generally, debating on the attributes of Allah cannot be avoided from polemical matter. It is obvious, not just referring to the argumentative by scholars from various Islamic schools of thought even by the same school which is Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah. Describing the polemical aspect on the attributes of Allah from their perspective, this article will elaborate how we cannot find any polemic causing separation and exile as we found it from debatable in the same issue – the attributes of Allah – between other Islamic schools of thought. Even, what we will find is compatibility and intimacy in methodical and understanding. This article formulated the disagreement is in context of pronunciation and not contextual which can caused discrepant in understanding in Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah’s school of thought when Asharite and Maturidis agree in creating connection between Allah and human through medium that can suit attributes of Allah with human which recognized by Asha rite as *al-ta’alluq* and by Maturidis as *al-takwīn*.

**Keywords:** Attributes of Allah, Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah, Asha rite, Maturidis, al-Ghazali.

## Pendahuluan

Perbuatan Allah SWT (*af’āl Allāh*) merupakan salah satu topik yang dibahaskan dalam perbahasan ketuhanan (*al-ilāhiyyāt*) dalam Ilmu Kalam. Isu-isu yang dibahaskan di dalamnya disarati oleh pelbagai polemik. Ia membicarakan bagaimana hubungan Allah SWT dengan hamba dan bagaimana kejadian hamba dan segala bentuk perlakuan sama ada baik atau buruk berlaku di bawah kudrat dan iradat Allah SWT. Para ulama apabila membahaskan *af’āl Allāh*, ia tertumpu pada persoalan bagaimana perbuatan hamba secara hakiki adalah sesuatu yang telah dijadikan dan dikehendaki oleh Allah SWT walaupun zahirnya ia digerakkan oleh seseorang hamba.

Artikel ini akan membincangkan beberapa subtopik penting berhubung dengan isu *af’āl Allāh* dalam pemikiran Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah. Secara spesifiknya, subtopik-subtopik ini berkait dengan huraian umum yang diberikan oleh ilmuwan al-Ashā‘irah dan al-Māturidiyyah. Manakala dalam pemerincian huraian mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah pula, penulis mengemukakan pandangan al-Ghazālī – tokoh al-Ashā‘irah – berdasarkan keterperincian huraian yang dikemukakan beliau dalam isu *af’āl Allāh*.

Sebelum dibincangkan subtopik-subtopik tersebut secara terperinci, dikemukakan terlebih dahulu takrifan literal perkataan ‘*af’āl*’ agar dapat difahami pengertiannya dan bagaimana hubung kaitnya dengan sifat perbuatan Allah SWT.

## Takrif *Af’āl* dari Sudut Bahasa

Dalam bahasa Arab, perkataan ‘*af’āl*’ merupakan kata jamak atau lebih tepatnya *jam‘ al-taksīr*<sup>1</sup> yang diterbitkan

---

<sup>1</sup> *Jam‘ al-taksīr* merupakan sintaksis (*sīghah*) yang menunjukkan sesuatu subjek yang dibicarakan melebihi daripada dua. Penggunaannya adalah serupa (*sawiyyān*) sama ada disandarkan kepada kata nama bersifat lelaki (*al-mudhakkār*) atau perempuan (*al-muannāth*). Contohnya perkataan ‘*tullāb*’ adalah *jam‘ al-taksīr*

daripada kata nama induk (*ism al-mufrad*) ‘fi ᲈ’.<sup>2</sup> ‘Af’āl’ sesuai diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu sebagai “himpunan perbuatan” atau “perbuatan-perbuatan”, manakala ‘fi ᲈ’ diterjemahkan sebagai “suatu perbuatan yang dilakukan”.<sup>3</sup>

Pakar-pakar bahasa Arab mengistilahkan ‘fi ᲈ’ sebagai ungkapan yang menunjukkan berlangsungnya sesuatu peristiwa (*hawādīth*) yang berlaku pada suatu ketika yang tertentu. ‘Ketika’ yang bererti suatu waktu yang dinisbahkan kepada zaman (*al-waqt al-zamānī*) dalam istilah terbabit terbahagi kepada tiga; silam (*al-mādī*); sedang berlaku (*al-mudāri*); dan waktu perintah (*al-amar*).<sup>4</sup> Setiap ‘ketika’ ini mempunyai kekuatan pengaruh yang berbeza ke atas sintaksis pelafazan (*al-sīghah al-lafzīyyah*) ‘fi ᲈ’ dan maksudnya. Dengan berlatarkan misal *wazan* bagi *mufrad mudhakkār* (individu lelaki), pada ketika *al-mādī*, ‘fi ᲈ’ dilafazkan ‘fa’ala’ dengan memberi maksud “telah melakukan”. Pada ketika *al-mudāri* pula, ‘fi ᲈ’ dilafazkan ‘yaf’alu’ dengan memberi maksud “sedang melakukan”. Manakala pada

- 
- kepada perkataan ‘ṭālib’ dan ‘ṭālibah’. Lihat penjelasan lanjut dalam: Muḥammad Muhyiddīn ‘Abd al-Ḥamīd, *al-Tuhfah al-Saniyyah bi Sharḥ al-Muqadimah al-Ājurruṇīyyah* (Kaherah: Dār al-Ṭalā‘ī, 2004), 20.
- <sup>2</sup> Terdapat dua timbangan sebutan (*wazan*) ‘fi ᲈ’ apabila dijamakkan, pertama ‘af’al’ dan kedua ‘fi’al’. Lihat penjelasan lanjut dalam al-Munazzamah al-‘Arabiyyah li al-Tarbiyah wa al-Thaqāfah wa al-‘Ulūm, *al-Mu’jam al-‘Arabi al-Asāsi* (t.pt., t.p, 2003), 943, entri ‘fi ᲈ’.
- <sup>3</sup> Perkataan ‘perbuatan’ dalam bahasa Melayu menepati erti kalimah ‘fi ᲈ’. Ini berdasarkan kepada maksud ‘perbuatan’ iaitu segala yang dibuat, kerja dan tindakan. Lihat penjelasan lanjut dalam Dewan Bahasa dan Pustaka, *Kamus Dewan*, ed. ke-3 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003), 178, entri “buat”.
- <sup>4</sup> Abd Allāh bin ‘Abd al-Rahmān Ibn ‘Aqīl, *Sharḥ Ibn ‘Aqīl ‘alā alfiyah Ibn Mālik*, ed. Muḥammad Muhy al-Dīn ‘Abd al-Ḥamīd (Kaherah: Dār al-Turāth, 2005), 1:182.

ketika *al-amar*, ‘fi l’ dilafazkan ‘if’al’ dengan pengertian kata perintah “lakukan!”.<sup>5</sup>

Selain dijamakkan ‘fi l’ menjadi ‘af’āl’, ia dijamakkan juga menjadi ‘fi’al’.<sup>6</sup> ‘Fi’al’ juga bererti “perbuatan-perbuatan” tetapi perbezaan antara ‘af’āl’ dan ‘fi’al’ adalah terletak pada penggunaan kedua-duanya dalam bahasa Arab. ‘Af’āl’ digunakan sebagai pemula bicara atau subjek (*al-mubtadā*), contohnya “af’āl al-‘ibād” manakala ‘fi’al’ pula digunakan sebagai jawab bicara atau predikat (*al-khabar*), contohnya “*lillāhi Ta’ālā fi’al*” (bagi Allah SWT perbuatan-perbuatan).<sup>7</sup>

Daripada paparan takrifan perkataan ‘af’āl’ yang dikemukakan di atas, dapat dirumuskan bahawa pada aspek bahasa (*lughawi*), lafadz af’āl tidak terlepas daripada tiga sintaksis iaitu *al-mādi*, *al-muḍāri*’ dan *al-amar*. Selain dikenali sebagai sintaksis lafadz (*al-ṣighah al-lafzīyyah*), ketiga-tiganya juga dikenali sebagai sintaksis zaman (*al-ṣighah al-zamāniyyah*) yang berfungsi menjelaskan aktual perbuatan (*fi’liyyah al-fi’l*) daripada mafhum ‘af’āl’. Tanpa ketiga-tiganya, ‘af’āl’ tidak mungkin dapat difahami dengan maksud “perbuatan-perbuatan”.<sup>8</sup> Hasilnya, lafadz ‘af’āl’ tidak wujud, begitu juga dengan kata dasarnya ‘fi l’.

---

<sup>5</sup> *Ibid.*

<sup>6</sup> Perkataan ‘fi’al’ juga merupakan *jam’ al-taksīr*. Lihat al-Munazzamah, *al-Mu’jam*, 943, entri “*fi l’*”.

<sup>7</sup> *Ibid.*

<sup>8</sup> Ilmu Mantik menjelaskan bahawa kata nama (*al-ism*) sebagai sesuatu yang merujuk kepada suatu peristiwa berlaku dalam sesuatu situasi (*al-hay’ah*) dan pada sesuatu masa (*al-zamān*). Suatu *al-ism* yang diungkapkan menggambarkan wujudnya penghasil dan hasilan walaupun kedua-duanya terselindung, contohnya *qarb* (pukulan). Perkataan ini membayangkan wujudnya pemukul dan yang dipukul. Lihat penjelasan lanjut dalam Maḥmūd bin Muḥammad al-Rāzī, *Tahrīr al-Qawā’id al-Manṭiqīyyah*, ed. ‘Ali bin Muḥammad al-Jurjānī (cet. ke-2, Kaherah: Maṭba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādih, 1948), 36-37.

Di sini didapati bahawa perkataan ‘*af’āl*’, apabila dilihat daripada sudut literal, ia perlu wujud berangkai dengan masa, dan hal ini pastinya hanya berkait dengan perbuatan hamba. Adalah mustahil jika perkara ini dapat dibayangkan pada perbuatan Allah SWT kerana ini akan menimbulkan persoalan; apakah sintaksis masa yang relevan dalam konteks perbuatan hamba akan turut relevan dalam konteks perbuatan Allah SWT? Pasti jawapannya ialah tiada relevansi sama sekali. Jawapan ini dapat difahami secara aksiom kerana jika perbuatan yang disifatkan kepada hamba adalah sama sebagaimana yang disifatkan kepada Allah SWT, maka sifat perbuatan kedua-duanya adalah sama dan ini bercanggah dengan kenyataan bahawa perbuatan Allah SWT adalah tidak sama dengan perbuatan hamba.

Oleh yang demikian, pendekatan tekstual ‘*af’āl*’ tidak sesuai untuk mentakrif *af’āl Allāh* dan menjelaskan perbuatan yang sesuai dengan sifat Allah SWT. Lantas, pendekatan dan penjelasan bagaimanakah yang sesuai untuk tujuan tersebut? Jawapannya ialah pendekatan dan penjelasan epistemologi adalah yang terbaik dan tepat. Bagi memudahkan pembaca memahami apakah bentuk takrif *af’āl Allāh* menurut epistemologi, didedahkan dahulu di sini fokus Ilmu Kalam terhadap isu *af’āl Allāh*. Pendedahan ini boleh diibaratkan sebagai pengantar kepada takrif epistemologi atau istilah ke atas *af’āl Allāh*.

### ***Af’āl Allāh* dalam Tradisi Ilmu Kalam**

Dalam konteks Ilmu Kalam, perkataan tunggal ‘*af’āl*’ tidak memberi sebarang maksud melainkan setelah disandarkan kepada pelakunya (*fā’il al-af’āl*). Oleh yang demikian, perkataan ‘*af’āl*’ disandarkan sama ada kepada Allah SWT atau kepada hamba. Hasilnya, apabila disandarkan kepada Allah SWT, diungkapkan ‘*af’āl Allāh*’, manakala apabila disandarkan kepada hamba, diungkapkan ‘*af’āl al-‘ibād*’.

Dalam kalangan ulama Usuluddin, ada yang cenderung menggunakan istilah *af’āl Allāh* bagi merujuk kepada permasalahan *af’āl*. Mereka berpendapat bahawa Allah SWT Maha Berkuasa ke atas setiap sesuatu, termasuklah perbuatan makhluk. Maka tiada perbuatan – yang dikuasai oleh makhluk – melainkan perbuatan Allah SWT sahaja. Ini bertentangan dengan pendapat setengah ulama yang lain, yang memilih penggunaan ungkapan *af’āl al-‘ibād*, disebabkan zahir perbuatan dilakukan oleh hamba.<sup>9</sup> Perbezaan penggunaan istilah *af’āl Allāh* dan *af’āl al-‘ibād* yang digambarkan di sini dalam skop pelafazan (*al-lafzīyyah*), ia tidak merangkumi mafhum ‘hamba dikerasi’ (*al-‘ibād mujbarūn*), sebagaimana yang difahami mengikut fahaman al-Jabāriyyah atau mafhum ‘pencipta perbuatan’ (*khāliq al-af’āl*), sebagaimana yang difahami mengikut fahaman al-Qadariyyah.

Walau bagaimanapun, menyandarkan perbuatan kepada hamba atau penggunaan istilah *af’āl al-‘ibād* hanya dibolehkan secara *majāz* kerana penyandaran perbuatan kepada Allah SWT atau penggunaan istilah *af’āl Allāh* lebih menepati keterangan wahyu. Dalam al-Qur’ān, penggunaan ungkapan ‘perbuatan Allah SWT’ adalah amat jelas, antaranya yang dijelmakan daripada nama-nama-Nya yang indah (*al-Asmā’ al-Husnā*), contohnya seperti *al-Muhy* (Yang Maha Menghidupkan), *al-Mu’izz* (Yang Maha Memperkasai), *al-Mudhill* (Yang Maha Menghinai) dan lain-lain. Nama-nama ini bukan sahaja menyatakan perbuatan Allah SWT, malah mengisbatkan perbuatan tersebut sebagai salah satu bahagian daripada sifat-sifat Allah SWT. Dalam istilah Usuluddin, sifat ini dikenali sebagai *al-ṣifāt al-af’āliyyah Ta’alā*.<sup>10</sup>

---

<sup>9</sup> Mas’ūd bin ‘Umar al-Taftāzānī, *Sharḥ al-Maqāṣid*, ed. Ibrāhīm Shams al-Dīn (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2001), 164.

<sup>10</sup> Bahagian *al-Asmā’ al-Husnā* yang dinisbahkan selain sifat *al-af’āl* ialah *ṣifāt al-dhāt Allāh*; *ṣifāt ma’āni*; *ṣifāt salbiyyah*. Lihat

Meneliti pada semua sifat perbuatan Allah SWT di dalam al-Qur’ān, sifat ini mempunyai hubungan dengan hamba. Contohnya sifat *al-Muḥy* (Yang Maha Menghidupkan), yang mana dengannya Allah SWT ditasawurkan sebagai Dialah yang menghidupkan hamba. Mudahnya tasawur ini tidak bermakna mudah juga untuk dijelaskan kaifiat hubungan sifat perbuatan Allah SWT dengan hamba. Ini kerana hubungan terbabit melibatkan dua zat yang berbeza iaitu zat Allah SWT yang qadim dan zat hamba yang baharu. Adalah amat rumit dalam menentukan apakah bentuk atau sifat hubungan antara Allah SWT dengan hamba melalui sifat perbuatan Allah SWT.

Jika disabitkan bentuk atau sifat hubungan tersebut sebagai qadim – iaitu mencenderungi zat Allah SWT – maka ini menjadikan hamba qadim. Ia berdasarkan kaedah sebab dan kesan (*al-‘illah wa al-ma ‘lūl*), yang mana setiap yang diciptakan merupakan kesan daripada sebab penciptaan pencipta. Apabila berhubung dengan penciptanya, wajib bagi yang diciptakan mempunyai sifat yang sama dengan sifat penciptanya. Manakala jika disabitkan bentuk atau sifat hubungan tersebut sebagai baharu pula – iaitu mencenderungi zat hamba – maka ini menjadikan Allah SWT baharu, di mana penyabitan inilah yang diperselisihkan oleh para *mutakallimūn*. Untuk huraian lebih lanjut dan kefahaman yang lebih jelas, dikemukakan subtopik-subtopik selanjutnya.

### ***Af’āl Allāh dan Hubungannya dengan Hamba***

Dalam subtopik ini, isu utama yang dibincangkan ialah tasawur sifat perbuatan Allah SWT dan hubungannya dengan hamba dalam al-Qur’ān. Isu ini menjadi sebab munculnya tafsiran ke atas sifat atau bentuk hubungan *af’āl Allāh* dengan hamba di sisi *mutakallimūn*, yang

---

penjelasan lanjut dalam Muḥammad ‘Abd al-Faḍīl al-Qūṣī, *Hawāmiṣh ‘alā al-Iqtisād fī al-I’tiqād li ḥujjah al-Islām al-Ghazālī: al-quṭbān al-thālith wa al-rābi’* (cet. ke-2, t.p., 1997), 11- 13.

membawa kepada perselisihan pendapat di antara mereka. Hal ini berpunca daripada umumnya tasawur al-Qur’ān terhadap *af’āl Allāh* tanpa memberikan penjelasan yang jelas dan muktamad terhadap sifat atau bentuk hubungan *af’āl Allāh* dengan hamba.

Apabila al-Qur’ān atau al-Sunnah menerangkan tentang *af’āl Allāh*, penerangannya berkait erat dengan hamba. Contohnya dalam surah al-An’ām (6:101):

وَخَلَقَ كُلَّ شَيْءٍ وَهُوَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ  
١٣

Terjemahan: Dia pula yang menciptakan tiap-tiap sesuatu, dan Dialah Yang Maha Mengetahui akan segala-galanya.<sup>11</sup>

Begitu juga dalam ayat selepasnya (6: 102):

خَلَقَ كُلَّ شَيْءٍ فَأَعْبُدُوهُ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ  
١٤  
وَكَلِيلٌ

Terjemahan: Yang menciptakan tiap-tiap sesuatu, maka beribadatlah kamu kepadaNya. Dan (ingatlah) Dialah yang mentadbir segala-galanya.<sup>12</sup>

Dalam surah al-Qamar (54: 49) Allah SWT berfirman:

إِنَّا كُلَّ شَيْءٍ خَلَقْنَاهُ بِقَدَرٍ  
١٥

Terjemahan: Sesungguhnya Kami menciptakan tiap-tiap sesuatu menurut takdir (yang telah ditentukan).<sup>13</sup>

<sup>11</sup> Shaykh Abdullah Basmeih, *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman* (cet. ke-6, Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad, 1995), 316.

<sup>12</sup> *Ibid.*

<sup>13</sup> Basmeih, *Tafsir*, 1440. Menurut Imam al-Wāḥidī, ayat ini ditarunkan disebabkan sekumpulan musyrikin Quraysh berdebat dengan Rasulullah SAW tentang qadar. Lihat lebih lanjut dalam ‘Alī bin

*Af’āl Allāh* yang diterangkan dalam ayat-ayat suci di atas menjelaskan bahawa Allah SWT yang menetapkan kadar tertentu. Kadar yang dimaksudkan ialah ketentuan yang Allah SWT tetapkan ke atas setiap makhluk. Ia adalah hidayah (*al-hidāyah*), usia (*al-‘umr*), rezeki (*al-rizq*) dan ajal (*al-ajl*) sebelum mereka wujud. Ketentuan-ketentuan ini membuktikan bagaimana Allah SWT berhubung dengan makhluk.

Kesemua keterangan ayat-ayat al-Qur’ān di atas, tidak menetapkan secara jelas apakah bentuk atau sifat hubungan *af’āl Allāh* dengan hamba, apakah ia qadim sama seperti zat Allah SWT atau baharu sama seperti hamba? Kesamaran ini menatijahkan munculnya perdebatan dalam kalangan ilmuwan Usuluddin. Dalam mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā’ah, perdebatan dalam isu ini berlaku di antara aliran al-Ashā’irah dengan al-Māturīdiyyah. Al-Ashā’irah mengisbatkan bentuk atau sifat hubungan *af’āl Allāh* dengan hamba sebagai baharu, manakala al-Māturīdiyyah pula mengisbatkannya sebagai qadim.

Meskipun digambarkan wujud perdebatan antara kedua-dua aliran mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā’ah ini, namun ia bukanlah perselisihan runcing yang membawa kepada perpecahan mazhab, sebaliknya yang berlaku di antara *mutakallimūn* sama seperti yang berlaku antara aliran Ahl al-Sunnah wa al-Jamā’ah dengan al-Mu’tazilah, al-Ḥukamā’ atau aliran yang lain.<sup>14</sup> Bahkan perdebatan di antara al-Ashā’irah<sup>15</sup> dengan al-

---

Aḥmad al-Wāhidī al-Nisābūrī, *Asbāb al-Nuzūl* (cet. ke-4, Dimashq: Dār al-Fajr al-Islāmī, 1997), 130.

<sup>14</sup> Abd al-‘Azīz Sayf al-Naṣr, *Falsafah ‘Ilm al-Kalām fī al-Ṣifāt al-Ilāhiyyah: Manhājān wa Taṭbiqān* (Kaherah: al-Azhar, 1983), 94-95.

<sup>15</sup> Al-Ashā’irah telah diasaskan oleh Imam Abū al-Hasan ‘Alī bin Ismā’īl al-Ashā’irī (m. 324 H). Lihat lebih lanjut dalam Muḥammad bin ‘Abd al-Karīm al-Shahrastānī, *al-Milal wa al-Nihāl* (Beirut: Dār Ibn Ḥazm, 2005), 63.

Māturīdiyyah<sup>16</sup> dalam isu *af’āl Allāh*, lebih bersifat melengkapi antara satu dengan yang lain dari sudut manhaj dan pendalilan, yang mana hasilnya boleh memperkemaskan pemahaman terhadap isu *af’āl Allāh* dalam pemikiran Ahl al-Sunnah wa al-Jamā’ah.

### ***Af’āl Allāh* dan Hubungannya dengan Hamba menurut al-Ashā’irah**

Terdapat dua isu utama yang dibincangkan dalam subtopik ini. Pertama, pengisbatan baharu sifat hubungan *af’āl Allāh* dengan hamba, dan kedua, pengemukaan perantaraan yang menghubungkan *af’āl Allāh* dengan zat Allah SWT.

Al-Ashā’irah mengisbatkan bentuk atau sifat hubungan *af’āl Allāh* dengan hamba sebagai baharu. Mereka lebih cenderung mengaitkan *af’āl Allāh* dengan hamba berbanding mengaitkannya dengan zat Allah SWT sendiri. Daripada pengisbatan ini, bukan sahaja bentuk atau sifat hubungan *af’āl Allāh* sahaja yang baharu bahkan di sisi al-Ashā’irah, *af’āl Allāh* itu sendiri juga baharu.<sup>17</sup>

Pengisbatan ini berpunca daripada pemahaman al-Ashā’irah ke atas mafhum ‘perbuatan’ yang tidak sesuai dan tidak tepat dikaitkan dengan Allah SWT pada masa azali. Perbuatan seperti menghidup dan mematikan, tidak memperlihatkan kesesuaianya dengan Allah SWT pada ketika hamba belum diwujudkan. Begitu juga dengan perbuatan yang lain seperti mencipta, memberi rezeki dan sebagainya.<sup>18</sup>

---

<sup>16</sup> Al-Māturīdiyyah diasaskan oleh Imam Abū Mansūr Muḥammad bin Muḥammad bin Maḥmūd (m.333H). Lihat penjelasan lanjut dalam Muḥammad Rabi‘ Muḥammad Jauharī, ‘Aqīdatunā (cet. ke-10, Kaherah: al-Azhar al-Sharīf, 2005), 34.

<sup>17</sup> ‘Alī bin Muḥammad al-Jurjānī, *Sharh al-Mawāqif*, ed. Maḥmūd ‘Umar al-Dimyātī (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1998), 5: 131-145.

<sup>18</sup> Al-Rāzī, Muḥammad bin ‘Umar, *Asās al-Taqdīs*, ed. Aḥmad Ḥijāzī al-Saqā (Beirut: Dār al-Jayl, 1998), 43.

Ternyata pendapat sebegini tidak memberi kesukaran kepada al-Ashā’irah untuk menghubungkan *af’āl Allāh* dengan hamba. Tetapi bagaimana pula untuk memahami bentuk atau sifat hubungan *af’āl Allāh* – yang disifatkan baharu – dengan zat Allah SWT yang qadim? Ini kerana, jika tidak dihubungkan antara keduanya, isu *af’āl Allāh* tidak menjadi suatu topik yang dibahaskan malah ia menjadi isu *af’āl al-’ibād* (perbuatan hamba) yang yang dibahaskan al-Mu’tazilah dengan memisahkan perbuatan hamba daripada penguasaan Allah SWT. Tuntas, jawapannya ialah melalui pendekatan *al-wāsīliyyah* (perantaraan). Al-Ashā’irah menjelaskan pendekatan ini dengan memperkenalkan konsep *al-ta’allūq* (keterkaitan) yang berperanan mengaitkan suatu yang baharu dengan suatu yang qadim.

Secara lebih tepat, *al-ta’allūq* ‘menyuapadan’ baharu pada *af’āl Allāh* dengan keqadiman zat Allah SWT. Ini boleh diterima akal sebagai harus berlaku (*yajūz al-’aqlān*) kerana *af’āl Allāh* – meskipun baharu – tetap merupakan sebahagian daripada sifat Allah SWT. Kesuaipadan antara keduanya (*af’āl Allāh* dan zat Allah SWT) tidak mencacatkan sedikitpun keesaan mahupun keqadiman zat Allah SWT.<sup>19</sup> Pada Imam al-Ash’āri sendiri,<sup>20</sup> konsep *al-ta’allūq* dinyatakan sebagai *al-ṣifah al-ta’allūqiyyah li al-Dhāt* (sifat keterkaitan pada zat Allah SWT) kerana kaitannya hanya dengan zat Allah SWT.<sup>21</sup>

<sup>19</sup> ’Alī bin Ismā’īl al-Ash’āri, *al-Ibānah ‘an uṣūl al-Diyānah*, ed. ‘Abd Allāh Māhmūd Muḥammad ‘Umar (Beirut: Dār al-Kutub al-’Ilmiyyah, t.t.), 54.

<sup>20</sup> Beliau ialah Abū al-Ḥusayn ’Alī bin Ismā’īl bin Abū Bašar Isḥāq bin Salīm. Dilahirkan di Basrah pada tahun 260 Hijrah dan meninggal di Baghdad pada tahun 324 Hijrah. Nasab keturunan beliau bertemu dengan Abū Mūsā al-Ash’āri, antara Sahabat kanan Rasulullah SAW. *Ibid.*, 3.

<sup>21</sup> *Ibid.*, 54.

Apabila al-Ashā’irah mengisbatkan *af’āl Allāh* sebagai baharu, maka ia tidak dihimpunkan sebagai sebahagian daripada sifat wajib bagi Allah SWT (*al-ṣifāt al-wujūbiyyah*) kerana ciri sifat wajib ini mesti qadim dan azali.<sup>22</sup> Sebaliknya *af’āl Allāh* dihimpunkan sebagai sebahagian daripada perkara harus (*jawāz*), iaitu tidak wajib dan tidak mustahil bagi Allah SWT untuk disifatkan dengan-Nya.<sup>23</sup>

### ***Af’āl Allāh* dan Hubungannya dengan Hamba menurut al-Māturīdiyyah**

Sebagaimana isu dalam subtopik yang lalu, isu dalam subtopik ini juga terbahagi kepada dua. Pertama, pengisbatan qadim sifat hubungan *af’āl Allāh* dengan hamba, dan kedua, pengemukaan perantaraan yang menghubungkan *af’āl Allāh* dengan hamba.

Berbeza dengan al-Ashā’irah, al-Māturīdiyyah mengisbatkan bentuk atau sifat hubungan *af’āl Allāh* dengan hamba sebagai qadim. Mereka lebih cenderung mengaitkan *af’āl Allāh* dengan Allah SWT berbanding mengaitnya dengan hamba. Dengan pengisbatan ini, bukan sahaja bentuk atau sifat hubungan *af’āl Allāh* sahaja yang qadim, bahkan di sisi al-Māturīdiyyah, *af’āl Allāh* itu sendiri juga qadim.<sup>24</sup>

Jelas di sini, tidak timbul isu sama ada perbuatan sesuai atau tidak sesuai dikaitkan dengan Allah SWT pada masa azali kerana al-Māturīdiyyah menghimpunkan perbuatan Allah SWT sebagai sebahagian daripada sifat wajib bagi-Nya. Namun, bagaimana pula untuk memahami bentuk atau sifat hubungan *af’āl Allāh* – yang disifatkan qadim – dengan hamba yang bersifat baharu?

<sup>22</sup> Muḥammad al-Qūšī, *Hawāmish*, 12.

<sup>23</sup> *Ibid.*

<sup>24</sup> Kamāl al-Dīn Muḥammad bin ‘Abd al-Wāhid Ibn al-Humām, *al-Musāyarah* (Kaherah: Maktabah al-Ḥusīn al-Tijāriyyah, t.t.), 36.

Dalam hal ini, al-Māturīdiyyah turut mengambil pendekatan yang sama dengan al-Ashā’irah iaitu pendekatan *al-wāṣiliyyah*. Cuma perbezaannya, pendekatan tersebut tidak dinamakan *al-ta’allūq* tetapi dinamakan *al-takwīn* (pembentukan) yang berperanan mengaitkan suatu yang qadim dengan suatu yang baharu.

Maksud *al-takwīn* atau pembentukan di sini ialah, Allah SWT pada masa azali telah membentuk gambaran (*kawwan śūrah*) hamba, bagaimana mereka akan diwujudkan, apa tujuan mereka dan bagaimana pengakhiran mereka. Dia juga telah membentuk keadaan (*kawwan aḥwāl*) yang mempengaruhi hamba dalam melakukan perbuatan-perbuatan mereka. Sifat pembentukan atau *al-takwīn* ini diinduksikan daripada ayat al-Qur’ān dalam surah Yāsin (36:82) yang berbunyi:

إِنَّمَا أَمْرُهُ إِذَا أَرَادَ شَيْئًا أَنْ يَقُولَ لَهُ كُنْ فَيَكُونُ ﴿٨٢﴾

Terjemahan: Sesungguhnya keadaan kekuasaan-Nya apabila Dia menghendaki adanya sesuatu, hanyalah Dia berfirman kepada (hakikat) benda itu: “Jadilah engkau”. Maka ia terus menjadi.<sup>25</sup>

Secara lebih tepat, *al-takwīn* menyuaipadan qadim pada *af’āl Allāh* dengan baharu pada hamba. Ini boleh diterima akal sebagai harus berlaku kerana hamba – meskipun baharu – tetapi penguasaan Allah SWT ke atas mereka telah berlaku sebelum mereka wujud lagi, iaitu semenjak daripada azali lagi. Kesuaipadan antara keduanya (*af’āl Allāh* dan hamba) tidak mencacatkan sedikitpun keesaan mahupun keqadiman zat Allah SWT.<sup>26</sup> Pada Imam al-Māturīdī,<sup>27</sup> konsep *al-takwīn* dinyatakan sebagai *al-ṣifah al-takwīniyyah Ta’ālā* (sifat pembentukan


<sup>25</sup> Basmeih, *Tafsir*, 1173-1174.

<sup>26</sup> Al-Ash’arī, *al-Ibānah*, 54.

<sup>27</sup> Beliau ialah Muḥammad bin Muḥammad bin Maḥmūd (m.333H).

Allah SWT) kerana pembentukan itu hanya dilakukan oleh Allah SWT.<sup>28</sup>

Tujuan al-Māturīdiyyah mengemukakan konsep *al-takwīn* adalah untuk menolak pemahaman *af’āl Allāh* sebagai baharu, yang mana pemahaman ini boleh merubah mafhum keqadiman zat Allah SWT.<sup>29</sup> Ternyata, penolakan ini bukan sahaja menegaskan *af’āl Allāh* sebagai qadim, malah menghimpunkannya sebagai sebahagian daripada sifat wajib (*ṣifāt al-wujūbiyyah*).<sup>30</sup> Mereka membuktikan kenyataan mereka berpandukan firman Allah SWT dalam surah al-Ḥashr (59: 24):

هُوَ اللَّهُ الْخَالِقُ الْبَارِئُ الْمُصَوِّرُ لَهُ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ  
يُسَيِّدُ لَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَهُوَ الْعَزِيزُ  


Terjemahan: Dialah Allah, Yang Menciptakan sekalian makhluk; Yang Mengadakan (dari tiada kepada ada); Yang Membentuk rupa (makhluk-makhlukNya menurut yang dikehendakiNya); bagi-Nyalah nama-nama yang sebaik-baiknya dan semulia-mulianya; bertasbih kepada-Nya segala yang ada di langit dan di bumi; dan Dialah yang tidak ada tolok bandingnya, lagi Maha Bijaksana.<sup>31</sup>

Ayat suci di atas menjelaskan bahawa Allah SWT memiliki sifat mencipta, mengadakan dan membentuk

<sup>28</sup> Maymūn bin Muḥammad al-Nasafī, *Tabṣirah al-Adillah fī Uṣūl al-Dīn*, ed. Muḥammad al-Anwār Ḥāmid ‘Isā (Kaherah: Maktabah al-Azhar li al-Turāth, 2011), 1: 71.

<sup>29</sup> *Ibid.*

<sup>30</sup> Muḥammad bin Muḥammad al-Māturīdī, *Ishārah al-Marām* (Kaherah: Maktabah al-Ḥusn al-Tijāriyyah, t.t.), 219.

<sup>31</sup> Basmeih, *Tafsir*, 1492.

rupa (bentuk fizikal). Pemilikan ini mustahil pada masa baharu kerana sifat-sifat ini telah diungkapkan di dalam al-Qur’ān yang bersifat qadim lagi azali.<sup>32</sup>

Apabila dibandingkan pemahaman al-Māturīdiyyah di sini dengan al-Ashā’irah yang lalu, boleh disimpulkan bahawa perbezaan antara kedua aliran amatlah ketara dalam isu *af’al Allāh*. Ini sangat jelas pada penyifatannya – baharu atau qadim – dan hubungannya sama ada dengan Allah SWT atau dengan hamba. Meskipun demikian, di samping perbezaan tersebut, kedua-dua aliran bersetuju dalam dua perkara berikut:

Pertama: Kewujudan hamba wajib bersandar pada Allah SWT di atas tasawur sandaran suatu bersifat baharu pada suatu yang bersifat qadim. Sandaran ini dihukumkan wajib bagi mengelak timbulnya rentetan tanpa pengakhiran (*tasalsuliyyah ghayr al-nihāyah*) yang sinonim dengan sandaran suatu baharu pada sesuatu baharu yang lain.<sup>33</sup>

Kedua: Bagi menghubungkan suatu yang baharu dengan sesuatu yang bersifat qadim, al-Ashā’irah dan al-Māturīdiyyah mengaplikasikan pendekatan *al-wāṣiliyyah* atau perantaraan.

Meneliti secara mendalam pada dua persamaan ini, terdapat titik pertemuan yang tidak diragui di antara al-Ashā’irah dan al-Māturīdiyyah. Pendekatan perantaraan al-Ashā’irah yang dikenali dengan konsep *al-ta’allūq* melibatkan hubungan zat Allah SWT dengan *af’al Allāh*, manakala pendekatan perantaraan al-Māturīdiyyah yang dikenali dengan konsep *al-takwīn* pula melibatkan hubungan *af’al Allāh* dengan hamba. Kedua-dua konsep

---

<sup>32</sup> Al-Māturīdī, *Ishārah*, 219.

<sup>33</sup> Tasawur rentetan; sesuatu yang bersifat baharu jika tidak disandarkan kewujudan atau keterhasilannya pada sesuatu yang bersifat qadim maka ia disandarkan kepada sesuatu yang juga bersifat baharu. Di atas kaedah yang sama, sesuatu yang bersifat baharu itu pasti memerlukan sesuatu yang juga bersifat baharu dan begitulah seterusnya.

memiliki skop yang berbeza di antara satu dengan yang lain. Jika diteliti dengan lebih mendalam lagi, keduaduanya memperkasa di antara satu dengan yang lain. Ini telah dinyatakan oleh Imam al-Ghazālī dalam penelitian beliau terhadap isu *af’āl Allāh*.<sup>34</sup>

### ***Af’āl Allāh* dan Hubungannya dengan Hamba menurut Al-Ghazālī**

Imam al-Ghazālī telah mengabungkan di antara dua konsep – *al-ta’allūq* dan *al-takwīn* – dalam memahami perkaitan di antara tiga penjuru; zat Allah SWT, *af’āl Allāh* dan hamba. Sebelum menjelaskan bagaimana pola pengabungan ini, al-Ghazālī telah mengemukakan dua komentar bagi menjelaskan kerangka pengabungan tersebut:

Pertama: Al-Ghazālī melihat bahawa percanggahan pendapat di antara al-Ashā’irah dan al-Māturīdiah dalam isu *af’āl Allāh* bersifat leksikal (*lafzī*) semata-mata. Ini kerana sumber pemahaman al-Ashā’irah dan al-Māturīdiah dalam isu ini ialah al-Qur’ān dan al-Sunnah. Sama ada *af’āl Allāh* disifatkan baharu atau qadim, tidak diragui bahawa ia terdapat dalam keterangan Allah SWT dan Rasul-Nya SAW.<sup>35</sup>

Kedua: Pada al-Ghazālī, setiap konsep perantaraan yang dikemukakan oleh al-Ashā’irah dan al-Māturīdiyyah mempunyai peranan yang berbeza, yang saling mengukuhkan di antara satu dengan yang lain. Misalnya, kita telah jelas bagaimana bentuk atau sifat hubungan zat Allah SWT dengan *af’āl Allāh* iaitu melalui konsep *al-ta’allūq*. Dalam menghubungkan *af’āl Allāh* dengan

<sup>34</sup> Beliau ialah Abū Hāmid Muḥammad bin Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazālī al-Tūsī al-Shāfi’ī. Dilahirkan pada tahun 450 Hijrah dan meninggal dunia pada 505 Hijrah. Digelar *Hujjah al-Islām wa al-Muslimīn* kerana kepakaran beliau dalam ilmu-ilmu Islam secara mendalam. Lihat lebih lanjut dalam Muḥammad al-Qūṣī, *Hawāmiṣh*, 3.

<sup>35</sup> *Ibid.*, 17.

hamba pula, kita telah jelas bentuk atau sifat hubungan tersebut melalui konsep *al-takwīn*. Gandingan kedua-dua konsep ini memberi pencerahan terhadap isu *af’āl Allāh*.<sup>36</sup>

Bertitik tolak daripada komentar-komentar ini, al-Ghazālī telah merumus satu pemahaman berupa manhaj yang bertindak menguraikan kekeliruan dalam isu *af’āl Allāh*. Manhaj tersebut mengabungkan konsep *al-ta’allūq* dan *al-takwīn* yang diwacanakan sebagai *al-manhājiyyah al-ta’allūqayniyyah*,<sup>37</sup> dengan maksud konsep dwi kaitan yang menghubungkan zat Allah SWT dengan *af’āl Allāh* pada satu sudut dan menghubungkan *af’āl Allāh* dengan hamba pada satu sudut yang lain.<sup>38</sup>

Pada sudut *al-ta’allūq* yang menghubungkan zat Allah SWT dengan *af’āl Allāh*, al-Ghazālī menamakannya sebagai *al-ta’allūq* yang sesuai dengan sifat qadim Allah SWT atau *ta’allūqiyyah šuluhiyyān qadīmān*. Melalui *al-ta’allūq* ini, Allah SWT layak dan sesuai disifatkan dengan perkara yang belum terdapat bukti dilakukan oleh-Nya, iaitu perbuatan-Nya. Manakala pada sudut *al-ta’allūq* yang menghubungkan *af’āl Allāh* dengan hamba, beliau menamakannya sebagai *al-ta’allūq* yang melaksanakan segala perkara yang bersifat baharu atau *ta’allūqiyyah tanjīzān ḥadīthān*. Melalui *al-ta’allūq* ini, Allah SWT layak dan sesuai disifatkan dengan perkara baharu iaitu perbuatan-Nya.<sup>39</sup>

---

<sup>36</sup> *Ibid.*, 21.

<sup>37</sup> Penamaan ini sempena adaptasi daripada penamaan konsep *al-ta’allūq* dalam aliran al-Ashā’irah. Adaptasi ini adalah perkara biasa memandangkan al-Ghazālī merupakan tokoh beraliran al-Ashā’irah. Menurut al-Jurjānī, istilah *al-ta’allūq* dalam isu *af’āl Allāh* telah diutarakan pertama kalinya oleh al-Bāqilānī ketika beliau mentakrif *af’āl Allāh* dan *af’āl al-ibād*. Lihat lebih lanjut dalam al-Jurjānī, *Sharḥ*, 8: 164.

<sup>38</sup> Muhammad al-Qūṣī, *Hawāmish*, 54, 62.

<sup>39</sup> *Ibid.* Selain dinamakan *al-manhājiyyah* *al-ta’allūqayniyyah*, ilmuwan al-Ashā’irah khususnya para *muta’akhkhirin* menamakannya juga sebagai *khalq al-qudrah al-qadīmah* (penciptaan kudrat yang qadim) dan *khalq al-qudrah al-ḥadīthah*

Hasil pengabungan melalui *al-manhajiyah al-ta’allūqayniyyah* ini, al-Ghazālī diakui sebagai ilmuwan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah yang telah berjaya menghubungkan tiga penjuru sifat yang berbeza, iaitu di antara qadim sifat zat Allah SWT dengan harus sifat *af’āl Allāh* – di sisi al-Ashā‘irah – dan dengan baharu sifat hamba. Bagi menjelaskan lagi pengabungan di sini, al-Ghazālī telah mengutarakannya melalui metafora berikut:

إِنَّ السَّيْفَ فِي الْغَمْدِ صَارِمًا وَعِنْدَ حُصُولِ الْقُطْعِ بِهِ  
وَفِي تِلْكُ الْحَالَةِ عَلَى الإِقْتَرَانِ يُسَمَّى صَارِمًا وَهُمَا بِمَعْنَيِّينَ  
مُخْتَلِفَيْنِ فَهُوَ فِي الْغَمْدِ صَارِمًا بِالْقُوَّةِ وَعِنْدَ حُصُولِ الْقُطْعِ  
بِهِ صَارِمًا بِالْفَعْلِ.

Terjemahan: Sesungguhnya sebilah pedang [semasa] di dalam sarungnya ia [telah] disifatkan tajam. Ketika terhasilnya potongan dengannya dan ketika berlakunya penyertaan [iaitu munculnya perbuatan aktual daripada potensi yang ada pada pedang itu] ia [juga] dinamakan tajam, kedua-dua [istilah ini] mempunyai makna yang berbeza, di mana pada ketika ia berada di dalam sarung ia (pedang) [disifatkan sebagai] tajam secara daya/ potensi dan tatkala ia berhasil memotong [sesuatu] ia [disifatkan sebagai] tajam secara aktual.<sup>40</sup>

Metafora ini menjelaskan bahawa Allah SWT telah layak disifatkan dengan perbuatan-Nya semasa azali walaupun perbuatan itu belum terbukti berhubung dengan

---

(penciptaan kudrat yang baharu). Lihat lebih lanjut dalam Ibrāhīm bin Muḥammad al-Bayjūrī, *Tuhfah al-Murīd ‘alā Jawharah al-Tawhīd* (Mesir: Maṭba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalbī wa awlādihi, 1939), 40.

<sup>40</sup> Muḥammad al-Qūṣī, *Hawāmish*, 20.

hamba. Pada masa ini, penyifatan atau sandaran perbuatan pada Allah SWT berlaku secara daya atau potensi iaitu Allah SWT bersedia atau berpotensi untuk melakukan perbuatan-Nya.<sup>41</sup> Manakala pada masa wujudnya hamba, Allah SWT juga layak disifatkan dengan perbuatan-Nya. Pada masa ini, penyifatan atau sandaran perbuatan pada Allah SWT berlaku secara aktual, iaitu Allah SWT melakukan perbuatan-Nya secara langsung atau aktual.<sup>42</sup> *Al-manhājiyyah al-ta’allūqayniyyah* yang dikemukakan al-Ghazālī ini diperakui ampuh, bukan sahaja oleh para ilmuwan al-Ashā‘irah,<sup>43</sup> al-Māturīdiyyah<sup>44</sup> dan *al-Hukamā'*<sup>45</sup> bahkan tokoh-tokoh daripada al-Mu‘tazilah.<sup>46</sup>

### Kesimpulan

Secara ringkasnya dapat disimpulkan bahawa bagi mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah, Allah SWT telah menerangkan kekuasaan-Nya yang menyeluruh ke atas segala-galanya, ini termasuklah perbuatan hamba sama ada disifatkan baik atau buruk. Jika dikatakan terdapat perselisihan sekalipun yang berlaku antara pendokong aliran mazhab arus perdana ini, ia terletak pada taakulan

<sup>41</sup> Dalam perbahasan ilmu kalam, tasawur kudrat Allah SWT dalam melakukan sesuatu secara daya atau potensi disifatkan sebagai kudrat-Nya yang azali serta abadi. Kudrat ini tidak berkaitan dengan perkara-perkara baharu. Justeru, kudrat ini tidak hilang atau terhenti dengan binasanya perkara-perkara baharu. Lihat penjelasan lanjut dalam al-Jurjānī, *Sharḥ*, 8: 67.

<sup>42</sup> Manakala tasawur kudrat Allah SWT dalam melakukan sesuatu secara aktual disifatkan sebagai kudrat yang baharu serta tidak abadi. Kudrat ini berkaitan dengan perkara-perkara baharu. Ia hilang atau terhenti bilamana binasanya perkara-perkara baharu tersebut. *Ibid.*

<sup>43</sup> Berkata ‘Abd al-‘Azīz Sayf al-Naṣr, jumhur al-Ashā‘irah menerima pakai manhad al-Ghazālī ini dalam menjelaskan isu *qaf’āl Allāh*. Antara yang masyhur ialah, al-Rāzī, al-Ījī, al-Taftāzānī dan ramai lagi termasuklah al-Jurjānī. Lihat lebih lanjut dalam ‘Abd al-‘Azīz, *Falsafah*, 81-89.

<sup>44</sup> Antaranya Ibn al-Humām al-Hanafī. *Ibid.*

<sup>45</sup> Antaranya Ibn Rushd dan al-Āmidī. *Ibid.*

<sup>46</sup> Antaranya Abū al-Ḥusayn al-Baṣrī dan pengikut beliau. *Ibid.*

hubungan Allah SWT dengan hamba, yang mana masalah ini tertumpu pada isu perkaitan antara Yang Qadim dengan yang baharu.

Menurut ilmuwan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah, perselisihan yang digambarkan adalah bersifat *lafzī*. Ia bukanlah bersifat kontekstual yang mengakibatkan pemahaman yang berbeza. Ini amat jelas, apabila komponen Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah – al-Ashā‘irah dan al-Māturīdiyyah – bersepakat menghubungkan Allah SWT dengan hamba melalui perantaraan yang berperanan menyesuaipadankan antara kedua-duanya, tanpa mencacatkan keqadiman dan keesaan Allah SWT atau meninggikan kedudukan hamba. Perantaraan itu dikenali sebagai *al-ta’allūq* di sisi al-Ashā‘irah dan *al-takwīn* di sisi al-Māturīdiyyah.

Tidak pernah berlaku pertikaian mahupun perselisihan yang mengurangkan kredibiliti kedua-dua pihak sama ada al-Ashā‘irah mahupun al-Māturīdiyyah dalam aplikasi atau penggunaan konsep perantaraan yang mereka kemukakan, bahkan perantaraan tersebut disepakuan oleh tokoh Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah yang terkemuka pada kurun ke-5 Hijrah, Imam al-Ghazālī RH. Kebijaksanaan beliau menggabungkan di antara *al-ta’allūq* dan *al-takwīn*, bukan sahaja berjaya menyelesaikan kemelut isu *af’āl Allāh* bahkan membuka lembaran baru dalam pemahaman isu penguasaan Allah SWT ke atas perkara-perkara baharu (*al-muhdath*).

Justeru, apabila permasalahan *af’āl Allāh* ini ditelaah menurut kefahaman Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah, isu ini akan dapat difahami dengan jelas menurut ijmāk ilmuwan Islam yang muktabar, berpandukan kesepaduan atau titik persamaan yang jauh daripada perselisihan dan kesamaran. Ini menepati tujuan seseorang muslim mempelajari akidah Islam, iaitu memantapkan iman dan menjazamkan iktikad yang telah dihuraikan di dalam al-Qur’ān dan al-Sunnah Rasulullah SAW dan

menghindarkan dirinya daripada sebarang bentuk keraguan dan kesamaran.

### Rujukan

- ‘Abd al-‘Azīz Sayf al-Naṣr. *Falsafah ‘Ilm al-Kalām fī al-Ṣifāt al-Ilāhiyyah: Manhājān wa Taṭbiqān*. Kaherah: al-Azhar, 1983.
- Al-Ash‘arī, ‘Alī bin Ismā‘il. *Al-Ibānah ‘an Uṣūl al-Diyānah*, ed. ‘Abd Allāh Maḥmūd Muḥammad ‘Umar. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t.
- Al-Bayjūrī, Ibrāhīm bin Muḥammad. *Tuhfah al-Murīd ‘alā jawharah al-Tawhīd*. Mesir: Matba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādihī, 1939.
- Al-Jurjānī, ‘Alī bin Muḥammad. *Sharḥ al-Mawāqif*. ed. Maḥmūd ‘Umar al-Dimyātī. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1998.
- Al-Māturīdī, Muḥammad bin Muḥammad. *Ishārah al-Marām*. Kaherah: Maktabah al-Ḥusayn al-Tijāriyyah, t.t.
- Al-Munazzamah al-‘Arabiyyah li al-Tarbiyah wa al-Thaqāfah wa al-‘Ulūm. *Al-Mu’jam al-‘Arabi al-Asāsi*. t.tp., t.p., 2003.
- Al-Nasafī, Maymūn bin Muḥammad. *Tabṣirah al-Adillah fī Uṣūl al-Dīn*, ed. Muḥammad al-Anwār Ḥāmid ‘Isā. Kaherah: Maktabah al-Azhar li al-Turāth, 2011.
- Al-Naysābūrī, ‘Alī bin Aḥmad al-Wāhidī. *Aṣbāb al-Nuzūl*, cet. ke-4. Dimashq: Dār al-Fajr al-Islāmī, 1997.
- Al-Rāzī, Maḥmūd bin Muḥammad. *Tahrīr al-Qawā'id al-Mantiqiyah*, ed. ‘Alī bin Muḥammad al-Jurjānī, cet. ke-2. Kaherah: Matba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādihī, 1948.
- Al-Shahrastānī, Muḥammad bin ‘Abd al-Karīm. *Al-Milal wa al-Nihāl*. Beirut: Dār Ibn Ḥazm, 2005.
- Al-Taftāzānī, Mas‘ūd bin ‘Umar. *Sharḥ al-Maqāṣid*, ed. Ibrāhīm Shams al-Dīn. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2001.

Mohd Hamidi & Mohd Fauzi, “*Af’āl Allāh menurut Ahl al-Sunnah wa al-Jamā’ah*,” *Afkār* 17 (2015): 1-24

- Dewan Bahasa dan Pustaka. *Kamus Dewan*. Ed. ke-3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003.
- Fakhr al-Rāzī, Muḥammad bin ‘Umar. *Asās al-Taqdīs*, ed. Aḥmad Ḥijāzī al-Saqā’. Beirut: Dār al-Jayl, 1998.
- Ibn ‘Aqīl, Abd Allāh bin ‘Abd al-Rahmān. *Sharḥ Ibn ‘Aqīl ‘alā Alfiyah Ibn Mālik*, ed. Muḥammad Muḥy al-Dīn ‘Abd al-Ḥamīd. Kaherah: Dār al-Turāth, 2005.
- Ibn al-Humām, Kamāl al-Dīn Muḥammad bin ‘Abd al-Wāhid. *Al-Musāyarah*. Kaherah: Maktabah al-Ḥusīn al-Tijāriyyah, t.t.
- Muḥammad ‘Abd al-Faḍīl al-Qūṣī. *Hawāmish ‘alā al-Iqtisād fī al-I’tiqād li Huffajah al-Islām al-Ghazālī: al-Quṭbān al-Thālith wa al-Rābi‘*, cet. ke-2. t.tp., t.p., 1997.
- Muḥammad Muḥy al-Dīn ‘Abd al-Ḥamīd. *Al-Tuḥfah al-Saniyyah bi Sharḥ al-Muqadimah al-Ājurru Miyyah*. Kaherah: Dār al-Ṭalā‘ī, 2004.
- Muhammad Rabi‘ Muḥammad Jawharī. ‘Aqīdatumā, cet. ke-10. Kaherah: al-Azhar al-Sharīf, 2005.
- Shaykh Abdulllah Basmeih. *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman*, cet. ke-6. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad, 1995.

Mohd Hamidi & Mohd Fauzi, “*Af’āl Allāh menurut Ahl al-Sunnah wa al-Jamā`ah*,” *Afkār* 17 (2015): 1-24